

# SERAH BARSAH! BERGARA SRIK? SEJAK?



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**DATUK SERI DR MAHATHIR**

Oleh M. SYAZLIL

**TAWARAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akhir bulan lalu supaya PAS kembali menyertai Barisan Nasional dibuat oleh beliau dengan niat dan semangat yang jujur kerana perpaduan orang Melayu dan demi kepentingan bangsa, agama dan tanahair.**

Selamanya beliau amat dukacita atas perpecahan dan pengasingan yang berlaku di kalangan orang Melayu mengikut anutan parti-parti politik. Bukan saja beliau, siapa saja yang berpandangan jauh akan merasa bimbang tentang masa depan orang Melayu dan agama Islam di tanah mampar darab mereka sendiri sekiranya perpecahan terus berlaku dan anutan parti-parti mengasingkan mereka semakin jauh dan bertentangan.

### Perkasa

Perpecahan bererti kelemahan dan kelemahan adalah musuh utama bagi pengkalan kuasa politik di mana jua pun. Ini tidak terbuahi dengan jelaynya di kalangan negara-negara Islam di Asia Barat, yang walaupun ditunggangi Tuhan dengan keyakinan sumber asalnya yang boleh jadi senjata politik yang sangat penting, namun terus tidak berupaya memertahankan maruah dari ancaman Israel.

Peristiwa sejarah telah menjadikan orang Melayu lemah dari segi ekonomi. Murjurnya kuasa politik masih ada di tangan orang Melayu, tetapi ini adalah suatu yang memutar. Jika ekonomi orang Melayu terus lemah, kuasa politik yang masih ada itu pun boleh dicorakkan oleh kuasa ekonomi yang ada di tangan orang lain.

Sebaliknya perpecahan bukan saja akan memperteguh asas kuasa politik mereka, juga membolehkan usaha-usaha lebih kuat dijalankan bagi memperkuat kedudukan ekonomi. Ia akan menghilangkan ancaman perpecahan dan pengasingan dan masa serta tenaga boleh diabdikan kepada perancangan serta pelaksanaan kemajuan ekonomi.

Tetapi bagaimanakah reaksi pemimpin-pemimpin PAS terhadap tawaran untuk perpaduan ummah itu?

Dalam menolak tawaran tersebut, pemimpin PAS Datuk Aeri Haji Muda terantorng mengatakan perpaduan tidak penting baginya. Dalam saat-saat menghadapi pilihannya seperti sekarang, jelas beliau lupaikanlah dulu soal perpaduan.

### Sejarah

Yang penting bagi PAS ialah memenangi pilihannya, dan untuk malam ini, nam-

Tetapi dalam tahun 1951 PAS telah ditubuhkan. Dengan menumpukan sepenuh tenaga dan masa untuk mengalihkn sokongan orang Melayu dari UMNO, sedikit demi sedikit pemimpin-pemimpin PAS telah berjaya meretakkan perpaduan yang menjadi asas kekuatan dan kejayaan orang Melayu dalam politik.

Serentajakan perpecahan itu juga PAS telah berjaya memenangi Kelantan dalam tahun 1959. Tetapi, selama pemimpin-pemimpin PAS berkuasa di Kelantan, apakah yang telah berlaku mereka lakukan untuk kemajuan negeri itu dan rakyatnya?

**SEJAK penubuhannya di dalam tahun 1951, PAS telah memecah-belahkan orang Melayu. Baru-baru ini Presidennya menolak mentah-mentah tawaran Dr. Mahathir, Mohamad supaya PAS kembali menyertai Barisan Nasional. Jika orang Melayu tidak bersatu padu, kekuatan ekonomi yang dikujar tiada akan dapat, malah kuasa politik yang dikendalikan mungkin akan bercliran.**

paknya, beliau dan pemimpin-pemimpin PAS yang lain sanggup berbuat apa saja—termasuk bersekutu dengan golongan-golongan yang memang tidak ingin melihat perpaduan teguh di kalangan orang Melayu.

Tetapi penolakan idea perpaduan adalah jelas di kalangan pemimpin-pemimpin PAS malah perpecahan di kalangan orang Melayu yang menjadi tapak kuasa bagi mereka sejak awal lagi.

Ini dapat dilihat dari sejarah penubuhan PAS sendiri.

Pembangunan negeri itu terus ketinggalan jauh di belakang. Bukan saja Kerajaan PAS di Kelantan mempunyai kewangan yang mencukupi, tetapi mereka juga tidak mempunyai rancangan pembangunan yang jelas dan teruji.

Sebabnya ialah mereka tidak mempunyai pakar-pakar ekonomi dan pentadbiran yang cekap. Sebenarnya pemimpin-pemimpin PAS sendiri tidak berminat untuk mengabdikan kepakarannya itu, kerana kepakaran sentiasa mempunyai kecenderungan untuk memberi nasihat ekonomi, dan ini mengancam peluang-peluang politik PAS dan pemimpin-pemimpinnya yang bergantung kepada sokongan pengundi-pengundi yang dal.

### Memukau

Untuk mengalihkn pandangan rakyat Kelantan terhadap kemunduran mereka berbanding dengan pembangunan pesat di negeri-negeri lain, pemimpin-pemimpin PAS telah memperalatkan agama dengan menyalah tarikan Quran dan hadid.

Dari segi ini kebolehan pemimpin-pemimpin PAS memanglah tidak da-

pat dinafikan. Mereka berjaya memukau fikiran rakyat untuk mempercayai dan mengikut segala kata-kata mereka. Mereka membuat fatwa-fatwa sendiri yang boleh mengkafirkan orang-orang yang tidak mah mengikut telunjuk mereka.

Jika agama adalah asas perpaduan orang Melayu, pemimpin PAS telah berjaya memperalatkan agama untuk memadukan sokongan rakyat terhadap mereka. Tetapi perpaduan corak mereka ini juga mengalihkn perpecahan. Yang bukan pengikut dan dipulaukan sama sekali.

Mereka juga berjaya memukau fikiran rakyat ketika itu supaya menolok kemajuan kebudayaan, semamata supaya rakyat yang dalif tidak menyedari kemunduran mereka dan tidak irihati dengan kemajuan orang lain.

### Menjejas

Selagi pemimpin-pemimpin PAS berjaya memecahkan rakyat, selagi itulah mereka dapat berkuasa. Tetapi apabila keadaan mulai timbul di kalangan rakyat yang tertinggal begitu lama, akhirnya pemimpin-pemimpin PAS kehilangan kuasa di Kelantan.

Jadi itulah sebabnya bagi Datuk Aeri perpaduan seperti yang diharapkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu tidak penting.

Tidak boleh dinafikan bahawa perpecahan politik juga berlaku di kalangan orang-orang bukan Melayu. Tetapi perpecahan pandangan politik itu tidak pernah melari sehingga menjejaskan hubungan mereka dalam kehidupan sosial dan kegiatan ekonomi.

Dengan demikian perpecahan politik bukan Melayu tidak menjadi penghalang kepada kemajuan ekonomi mereka. Ia juga tidak merosakkan asas-asas sosial sehingga mengasingkan mereka dengan jelas menjadi berpuk-puk.

Inilah perbezaan perpecahan politik di kalangan orang bukan Melayu dengan orang Melayu. Tetapi perpecahan berbilang pula yang terus digalakkan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Walaupun agama menyertai perpaduan orang Melayu, pemimpin-pemimpin PAS menggunakan agama untuk memecahkan orang Melayu bagi kepentingan mereka sendiri.